



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman : www.poi2u.com

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Pecah Masuk. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

Polisi Insurans Pecah Masuk

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan insurans terhadap kehilangan atau kerosakan pada harta anda yang disebabkan oleh kecurian di premis.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi:

- Kehilangan harta yang diinsuranskan:
 - a. akibat kecurian berikutan kemasukan dengan kekerasan dan keganasan ke dalam premis tersebut atau yang dilakukan oleh seorang atau seseorang yang bersembunyi di dalam premis tersebut dengan niat jahat; dan
 - b. dalam kes kediaman persendirian dan / atau kediaman pangsa sahaja, dengan salah mengambil atau membawa keluar dari premis dengan niat jahat.
- Kerosakan terhadap harta yang diinsuranskan atau terhadap premis disebabkan oleh kecurian atau sebarang percubaan mencuri.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, pendedahan risiko dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 25% daripada premium
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	▪ 6% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
 - a) Kontrak Insurans Pengguna
 - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

b) Kontrak Insurans Komersial

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda mesti memastikan borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ia merupakan asas kontrak insurans.
 - Apabila berlakunya sebarang kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, anda harus memberi notis dengan segera kepada kami menyatakan keadaan kes itu. Melainkan jika notis itu diterima oleh kami dalam tempoh 30 hari daripada berlakunya kejadian tersebut, kami seharusnya tidak mempunyai liabiliti terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku berkaitan dengan kejadian tersebut);
 - Anda hendaklah menyerahkan kepada kami dalam tempoh 7 hari dari tarikh di mana kejadian itu seharusnya sampai kepada pengetahuan anda, satu penyata bertulis yang terperinci mengenai anggaran nilai intinsik dan jumlah kehilangan dan kerosakan.
 - Anda mesti mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat, fasal dan pengendorsan polisi.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang percubaan oleh ahli keluarga, kakitangan perniagaan atau pembantu rumah, atau orang yang berada di premis secara sah;
- Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung berlaku menerusi atau akibat peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diistihar atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, kekecohan awam, tentera atau rampasan kuasa, rampasan atau pemusnahan atas perintah sebarang kerajaan atau pihak berkuasa awam;
- Kehilangan atau kerugian terhadap pingat, syiling, barangan aneh, ukiran, manuskrip, buku nadir, pelan, corak, model, acuan, rekabentuk, bon, bil pertukaraan, nota janji, wang, sekuriti untuk wang, setem, dokumen hak milik atau buku-buku perniagaan; dan

- Kehilangan atau kerugian yang timbul semasa premis tidak berpenghuni untuk tempoh melebihi 30 hari berturut-turut.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami;
- Kami juga boleh membatalkan polisi ini dengan memberi anda notis 7 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat anda yang terakhir; dan
- Sekiranya pembatalan dibuat oleh kami, anda berhak mendapat balik bayaran premium bagi tempoh insurans yang masih belum luput.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans pecah masuk, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,
No. 10, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2698 5033
Faks : 03-2693 8145
E-mel : poi2u@pacific-orient.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans pecah masuk yang boleh didapati:

- Tiada.

NOTA PENTING:

ANDA MESTI PASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSEKUTUAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01.01.2021.